

**PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PENERBITAN ARTIKEL (PYPA) BERINDEKS****Syarat permohonan**

1. Artikel yang akan diterbitkan mestilah dihantar ke mana mana jurnal berindeks Scopus atau WoS sahaja.
2. Artikel adalah digalakkan untuk diterbitkan pada jurnal berimpak tinggi.
3. Penghantaran artikel kepada mana-mana jurnal Scopus atau WoS adalah mengikut pilihan pemohon. Walaubagaimanapun, ia tertakluk kepada strategi yang telah ditetapkan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) masing masing (sekiranya ada).
4. Urusan penghantaran artikel kepada penerbit dan urusan penerbitan akan dipantau oleh PTJ masing masing.
5. Artikel perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang penulis staf akademik dari UiTM Selangor.
6. Artikel tidak dibiayai oleh mana-mana sumber lain.
7. Bayaran maksima yuran penerbitan akan ditanggung adalah sebanyak RM2000 /artikel. Bayaran yuran penerbitan lebih dari RM2000 /artikel adalah di bawah tanggungan pemohon.
8. Pembiayaan yang akan diluluskan hanya kepada penerbit jurnal berindeks Scopus atau WoS sahaja. Pembiayaan kepada pihak ketiga (contoh penganjur konferensi) tidak akan diluluskan.
9. Terdapat 2 kaedah pembayaran:
  - i. Bayaran secara terus kepada penerbit melalui *Telegraphic Transfer* (mengambil masa 3 minggu atau lebih),
  - ii. Bayaran secara tuntutan: Pemohon perlu membuat bayaran kepada penerbit terlebih dahulu, dan kemudiannya menuntut dari RMC UiTM.Walaubagaimanapun, hanya RM2000 sahaja yang akan diluluskan.
10. Pemohon perlu mengisi borang permohonan PYPA (RMC/UEP/3/1/2020), berserta bukti-bukti yang diperlukan surat penerimaan artikel (*acceptance letter*), inbois/resit pembayaran, bukti pembayaran seperti penyata akaun yang perlu disemak dan disahkan oleh PTJ.
11. Permohonan lengkap yang telah disahkan oleh PTJ perlu dihantar ke Sistem Serahan PYPA (<https://forms.gle/eznjW1r1G1eDg6xW8>) untuk proses pembayaran.
12. Bayaran *processing fee* artikel tidak ditanggung oleh pihak RMC UiTM.
13. Bilangan kelulusan pembiayaan tertakluk kepada peruntukan semasa.